

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : ETIKA PERNIAGAAN ISLAM****KOD KURSUS : PIB3013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (04 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak

OKT2023/C/PIB3013

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan.*

1. **(1 point)**
Antara berikut merupakan hukum *Amaliyah* mengenai ibadah, **KECUALI** _____.
 - A. solat
 - B. puasa
 - C. zakat
 - D. wasiat

2. **(1 point)**
Berapakah sumber hukum yang telah disepakati dan diakui oleh jumhur ulama'?
 - A. 3
 - B. 4
 - C. 5
 - D. 6

3. **(1 point)**
Manakah antara contoh berikut merujuk kepada kaedah fiqh '*bahaya mesti dihapuskan*'?
 - A. Melakukan solat jamak ketika dalam keadaan bermusafir.
 - B. Memakan makanan yang haram apabila tersesat di dalam hutan.
 - C. Membeli barangan dan meragui transaksi jual beli setelah membuat pembayaran.
 - D. Menggunakan matawang Riyal ketika melancong ke negara Arab Saudi untuk membeli barangan.

4. **(1 point)**
Juliza berhutang dengan Diana sebanyak RM100. Kemudian Juliza mengatakan bahawa dia telah membayar hutang tersebut, namun Diana tidak mengakuinya. Dalam isu ini, Juliza tetap dikatakan masih berhutang sehinggalah dia benar-benar mampu membuktikan bahawa dirinya telah membayar hutang tersebut. Apakah kaedah fiqh yang boleh dikaitkan dengan situasi ini?
 - A. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat.
 - B. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan.
 - C. Kesukaran membawa kemudahan.
 - D. Bahaya mesti dihapuskan.

5. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan hukum memakan binatang buas yang bertaring kuat untuk menangkap mangsa?
- A. Wajib
 - B. Harus
 - C. Haram
 - D. Makruh
6. **(1 point)**
_____ ialah kemaslahatan yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang diperlukan oleh setiap manusia.
- A. *Haajiyyah*
 - B. *Tazkiyyah*
 - C. *Dharuriyyah*
 - D. *Tahsiniyyah*
7. **(1 point)**
_____ ialah hubungan baik antara manusia sesama manusia.
- A. *Hablumminallah*
 - B. *Hablumminannas*
 - C. *Hubbu-dunya*
 - D. *Hablumminal'alam*
8. **(1 point)**
Antara berikut adalah berkait dengan konsep '*place*' dalam etika pemasaran Islam, **KECUALI** _____.
- A. tiada kelewatan
 - B. membebaskan pelanggan
 - C. tidak membahayakan orang lain
 - D. mengelakkan tempat yang mencurigakan

9. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan perkara **UTAMA** yang ditegah dalam perniagaan Islam?

- i. *Riba*
- ii. *Uruf*
- iii. Perjudian
- iv. Ketidakpastian

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

10. **(1 point)**

Antara berikut merupakan sikap yang perlu ada pada seorang pekerja, **KECUALI** _____.

- A. telus
- B. amanah
- C. mengadu domba
- D. bertanggungjawab

11. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan maksud 4P dalam konsep pemasaran?

- i. *Price.*
- ii. *Promotion.*
- iii. *Product.*
- iv. *Profit.*

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

12. **(1 point)**

Pilih pernyataan paling **TEPAT** berkait dengan kadar upah yang berpatutan.

- A. Kadar upah sebagaimana diminta oleh para pekerja.
- B. Kadar upah yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
- C. Kadar upah yang ditetapkan mengikut kemampuan majikan.
- D. Kadar upah yang bersesuaian dengan kos sara hidup setempat di mana pekerja itu bekerja.

13. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan asnaf yang layak menerima zakat?
- A. Amil
 - B. Ibu muda
 - C. Ibu tunggal
 - D. Peniaga kecil-kecilan
14. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan sumber pendapatan yang diharamkan bagi zakat perniagaan?
- A. Perniagaan mesin judi.
 - B. Perkhidmatan gunting rambut.
 - C. Perkhidmatan agen takaful.
 - D. Perniagaan mencuci pakaian.
15. **(1 point)**
Berapakah kadar zakat perniagaan yang perlu dibayar apabila cukup haul dan nisab?
- A. 2%
 - B. 2.5%
 - C. 2.8%
 - D. 3.5%
16. **(1 point)**
Apakah hukum mengeluarkan zakat perniagaan bagi Abbas apabila perniagaannya cukup haul dan nisab?
- A. Wajib
 - B. Harus
 - C. Sunat
 - D. Makruh
17. **(1 point)**
_____ adalah satu komponen penting dalam pemasaran kerana ia menyampaikan maklumat dan pilihan kepada pengguna sasaran dalam mempromosikan jualan produk dan perkhidmatan.
- A. Wawancara
 - B. Pengiklanan
 - C. Perkongsian
 - D. Pemberitahuan

18. **(1 point)**

Hukum jual beli secara atas talian adalah harus dan ia termasuk dalam bentuk kontrak jual beli _____.

- A. *salam*
- B. *wadhi'ah*
- C. *mudharabah*
- D. *murabahah*

19. **(1 point)**

Berikut merupakan kebaikan perniagaan atas talian, **KECUALI** _____.

- A. menjimatkan kos
- B. mudah dan pantas
- C. berisiko untuk ditipu
- D. pasaran lebih luas

20. **(1 point)**

Peniaga yang melakukan amalan sorok barang adalah termasuk dalam golongan _____.

- A. bakhil
- B. penjimat
- C. berbudi
- D. pemurah

BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(14 points)**
 - a) Jelaskan maksud:
 - i. Al-Quran (2 points)
 - ii. Al-Sunnah (2 points)
 - b) Terangkan **TIGA (3)** rukun ijma'. (6 points)
 - c) Huraikan maksud hukum-hukum dalam Al-Quran berikut:
 - i. *Hukum I'tiqadiyyah* (2 points)
 - ii. *Hukum Khuluqiyyah* (2 points)
2. **(14 points)**
 - a) Terangkan **TIGA (3)** kaedah promosi yang dianjurkan oleh Islam. (6 points)
 - b) Bincangkan **DUA (2)** kriteria pemilihan produk dalam konsep pemasaran Islam. (4 points)
 - c) Jelaskan **DUA (2)** kriteria penentuan harga produk menurut konsep pemasaran Islam. (4 points)
3. **(6 points)**
 - a) Jelaskan maksud sempurna milik yang merupakan salah satu daripada syarat wajib zakat perniagaan. (2 points)
 - b) Terangkan **DUA (2)** hikmah dalam mensucikan harta dalam berzakat. (4 points)
4. **(6 points)**
 - a) Bincangkan pengertian riba dari segi istilah. (2 points)
 - b) Terangkan **DUA (2)** hikmah pengharaman riba. (4 points)

KERTAS SOALAN TAMAT